

27/02/2000

Mahathir lawat Indonesia 9 Mac

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan rasmi dua hari ke Indonesia mulai 9 Mac ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, lawatan Perdana Menteri itu adalah atas undangan Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid, atau Gus Dur.

"Rombongan Dr Mahathir ke Indonesia itu juga turut disertai pegawai dari pelbagai kementerian dan sektor swasta," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Dialog Agung Bersama Sasterawan Negara, di Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP), di sini semalam.

(END)